



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

MAJLIS PRA PELANCARAN ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2024 PERKENAL PETUNIA SEBAGAI BUNGA TEMA ACARA

PUTRAJAYA, 18 Julai 2024 – Majlis Pra Pelancaran Royal FLORIA Putrajaya 2024 hari ini telah disempurnakan oleh YB Dr. Zaliha Binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), bertempat di Monumen Alaf Baharu, Presint 2. Turut hadir sama adalah YBhg Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden PPj.

Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya atau singkatannya Royal FLORIA Putrajaya (RFP2024) adalah merupakan acara ikonik anjuran Perbadanan Putrajaya dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan yang telah memasuki penganjuran kali ke-13 pada tahun ini. Dengan tema 'Raikan Bersama! "Celebrate Together!"', RFP2024 akan diadakan di Persisiran Tasik, Presint 2 pada 22 Ogos hingga 1 September 2024. Selama 11 hari penganjuran, FRP2024 bakal menerima kunjungan orang ramai bermula jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam (Isnin - Khamis), mana kala waktu operasi bagi hujung minggu pula adalah pada 9.00 pagi hingga 12.00 malam (Jumaat - Ahad). Bagi penganjuran kali ini, FRP2024 mengangkat bunga Petunia yang terkenal dalam kalangan pecinta tanaman hiasan sebagai bunga tema acara kerana kepelbagaiannya warna dan keindahan rupa bentuknya.

Komponen utama bagi FRP2024 adalah pameran taman daripada lebih dari 30 jabatan dan agensi kerajaan termasuk PPj sendiri, agensi korporat dan swasta, persatuan dan pengusaha bunga serta sekolah dan institusi pengajian tinggi yang bakal mengetengahkan gabungan idea segar, teknik tersendiri serta reka bentuk unik dalam

seni pameran taman. Antara agensi dan syarikat yang turut serta adalah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL), Jabatan Landskap Negara (JLN), Majlis Perbandaran Sepang (MPS), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Putrajaya Holding, Pulse Group dan lain-lain.

Selain itu, antara komponen lain yang menjadi tarikan utama adalah Astaka Flora iaitu pameran bunga-bungaan dalam bangunan yang menghimpunkan penyertaan daripada 10 buah negara bagi kategori gubahan bunga (*flower bouquet*), pameran dan pertandingan pelbagai kategori orkid, bonsai serta terrarium. Astaka Flora akan membawakan tema *tropical wonders* dengan menjanjikan keindahan koleksi tumbuhan tropika yang menyuntik suasana segar dan nyaman dalam hiasan taman serta bunga-bungaan.

Lebih daripada 100 aktiviti sampingan, bengkel dan pengisian pentas turut disusun atur sepanjang acara berlangsung, disamping lebih daripada 50 gerai jualan Garden Bazaar, Hort Mart serta kraftangan.

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 27 Julai 2024

Sila hubungi Pegawai Media PPj (Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564) bagi keterangan lanjut berhubung siaran media ini.